

**SOALAN NO. :363**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH  
ALAM]**

**SOALAN:**

**Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta MENTERI  
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah kawasan  
tadahan air (dan keluasan) yang telah diwartakan mengikut negeri  
dan menyenaraikan tempat- tempat tersebut.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) seluas 734,796 hektar telah diwartakan sebagai HTA mengikut seksyen 10(1)(e) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Maklumat terperinci kawasan HTA mengikut negeri adalah seperti jadual berikut :

**Jadual :** Maklumat Keluasan Kawasan Hutan Tadahan Air Mengikut Negeri Di Semenanjung Malaysia

<b>Negeri</b>	<b>Telah Diwartakan (Ha)</b>
Johor	85,597.61
Kedah	30,222.00
Kelantan	35,898.00
Melaka	0
Negeri Sembilan	51,020.00
Pahang	258,772.41
Perak	159,866.00
Perlis	4,380.00
Pulau Pinang	3,121.00
Selangor	44,543.00
Terengganu	61,375.58
WPKL	0
<b>Jumlah</b>	<b>734,795.60</b>

Sekian, terima kasih.